



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	: 59
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Banjir Kampung Gelam diatasi 2020



**Adly (dua dari kanan) meninjau sistem perpartian di tepi jalan yang sering melimpah dan menyebabkan banjir kilat di Kampung Gelam, Tanjung Kling.**  
(Foto Hassan Omar/BH)

**Melaka:** Masalah banjir kilat yang menghantui penduduk Kampung Gelam, Tanjung Kling di sini, sejak 10 tahun lalu akan diatasi melalui peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) tahun depan.

Kerja menaik taraf longkang di tepi jalan utama di kampung berkenaan tidak mampu dibuat tahun ini berikutan peruntukan MARRIS sedia ada sudah habis dibelanjakan bagi menaik taraf jalan raya dan sistem perpartian di seluruh Melaka.

Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata kerajaan negeri akan memasukkan masalah banjir kilat yang berpunca daripada sistem perpartian kurang sempurna di kampung berkenaan sebagai antara aspek yang bakal diambil tindakan melalui MARRIS 2020.

“Penduduk mendakwa air dari atas turun ke longkang dan melimpah ketika hujan lebat, sekali gus menyebabkan banjir kilat dan yang paling terjejas ialah beberapa rumah di tepi jalan.

“Kerajaan negeri akan memajukan masalah di sini untuk mendapatkan peruntukan MAR-

RIS tahun hadapan dan diharapkan ia mampu mengatasi masalah itu,” katanya ketika melawat sistem perpartian di kampung berkenaan kelmarin.

Yang hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Hakim Hamzah dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundur, Juhari Osman.

Adly meluangkan masa 45 minit meninjau sistem perpartian, selain beramah mesra dengan penduduk kampung serta menyampaikan sumbangan makanan kepada anak karitah.

Terdahulu, beliau mendengar rintihan penduduk berikutan banjir kilat yang menyebabkan harta benda mereka rosak, selain kesukaran untuk membersihkan kediaman masing-masing setiap kali banjir surut.

Sementara itu, Abdul Hakim berkata sistem perpartian di bahu jalan itu adalah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya manakala JPS bertanggungjawab menadbir dan menyelenggara parit bersaiz besar dari kampung berkenaan ke sungai berhampiran.